

10 MAY 2001

IKS-PENGURUSAN

IKS PERLU TINGKATKAN PENGURUSAN UTK KEKAL BERSAINGAN

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy hari ini berkata Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) perlu membaiki sistem pengurusan mereka untuk kekal bersaing dalam era ekonomi baru globalisasi dan liberalisasi perdagangan.

"IKS kini berdepan dengan persaingan sengit. Mereka bukan sahaja bersaing antara satu sama lain di pasaran tempatan tetapi juga dengan pesaing-pesaing dari negara-negara Asean lain," katanya dalam ucapan di majlis pelancaran Pembiayaan Berganda bagi Bengkel Kerja SMI Seluruh Negara 2001, di sini, hari ini.

Anggota Parlimen Bentong, Liow Tiong Lai, yang mewakili Chan di majlis itu membacakan ucapannya.

Terdapat keperluan segera bagi IKS dan SME untuk terus meningkat dan mengukuhkan kemahiran strategik mereka dalam bahagian-bahagian seperti pengurusan pemasaran antarabangsa, sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan kewangan, kata Chan.

Kira-kira 100 peserta dijangka menghadiri bengkel kerja sehari yang dianjurkan oleh Persatuan IKS Malaysia, sempena dengan Pameran Perdagangan Penyelesaian Sehenti-IKS yang akan diadakan bulan depan.

Selain mendedahkan peserta-peserta dengan peluang dan pilihan pembiayaan yang banyak, bengkel kerja itu juga melatih IKS dan SME berkaitan pengurusan aliran tunai yang berkesan.

"Ketika jangkaan penurunan kitaran ekonomi Amerika Syarikat mungkin menjejaskan perkembangan IKS dan SME, kerajaan baru-baru ini mengumumkan dana rangsangan fiskal tambahan yang termasuk "Memperkenalkan Pembiayaan SME," kata Chan.

Beliau berkata kerajaan akan memastikan dana yang diperuntuk disalurkan kepada IKS dan SME yang memerlukan menerusi bank-bank perdagangan, bagi mengekalkan momentum pertumbuhan mereka dan mengurangkan kesan kelembapan ekonomi AS.

Bagi bahagian pembiayaan, Chan berkata kebanyakan IKS dan SME masih berdepan dengan kesukaran dalam mengumpulkan dana kerana mereka kurang mahir untuk mengumpulkan dana, katanya.

Bagaimanapun, Chan berkata bank-bank kini menumpukan kepada sektor IKS sebagai satu bahagian menjanakan keuntungan yang penting terutama selepas penggabungan dalam sektor perbankan. -- BERNAMA

MS SD ZK